

## STAKEHOLDER CONSULTATION

**Tarikh** : 22 Julai 2020  
**Masa** : 02.00 petang  
**Tempat** : Bilik Balika, KOPEL Bhd.

### 1.0 KEHADIRAN

1.1	Muhd. Razali B. Mohammad	DFO Kinabatangan
1.2	Ladwin Ruki	ADFO Kinabatangan
1.3	Rio Peter G	KPPM Sg. Pin
1.4	Taha Abd. Majid	Ketua Kg. Sentosa Jaya
1.5	Juhari Paritai	Biro Ekonomi Kg. Sentosa Jaya
1.6	SM. Danial Sim	Pen. Ketua Polis Balai, Sukau
1.7	H Saifsoadi Kifli	MPKK Kg. Menggaris
1.8	Rosley Mohd. Ali	MPKK Kg. Perpaduan
1.9	Sim Gik Tei	Senior Estate Manager, Genting Sekong
1.10	Jimli Perijin	Pegawai Penguasa Jabt. Hidupan Liar
1.11	Abdullah Abbas	Pen. Peg. Pembangunan Daerah
1.12	Martin Vogel	CEO Kopel Bhd.
1.13	Saidal Udin	Pengurus Konservasi Kopel Bhd.
1.14	Mohd. Hassim	Asst. CEO Kopel Bhd.
1.15	Marvin Dean	MSPO Executive, Atlantic Plantation S/B
1.16	Robinson Rolando	Sustainability Head, Tung Hup Ent. S/B
1.17	Jolipin Malcom	Senior Asst. Manager, Tian Siang S/B

### 2.0 KATA-KATA ALUAN PENERUSI

2.1. Mesyuarat dimulakan pada jam 2.00 petang dan dipengerusikan oleh En. Rio Peter Gatulik, mewakili Tuan Muhd. Razali B. Mohamad (hadir dalam sesi soal-jawab/perbincangan). Beliau mengalu-alukan kedatangan semua yang hadir. Seperti biasa beliau memperkenalkan kepada hadirin bahawa pada masa ini pihak Jabatan Perhutanan Sabah serta Kopel Bhd. telah menjalankan kerjasama dalam pengurusan Hutan Simpan Pin Supu dan mengharapkan agar pihak yang berkepentingan di sekeliling hutan simpan dapat membantu menyelesaikan apa jua masalah yang timbul bersama.

### 3.0 AGENDA / PEBENTANGAN

No.	Agenda	Catatan	Tindakan
3.1	<ul style="list-style-type: none"><li>• Renjer Kehormat Hutan</li><li>• Isu gejala tidak bermoral (di Menara Tinjau Api)</li><li>• Isu jalan berdekatan OP Global Ent.</li><li>• Tagal sungai (hujung jalan OP Global)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• MPKK Kg. Perpaduan, En. Rosley Mohd. Ali memohon supaya Kursus Renjer Kehormat Hutan di teruskan seperti sebelum ini. Beliau juga mengutarakan kebimbangan terhadap keselamatan kawasan Menara Tinjau Api yang</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• ADFO Ladwin Ruki menjelaskan bahawa untuk penganjuran kursus, ianya akan dianjurkan oleh RDC Sepilok sekiranya ada ruang masa yang sesuai. Untuk isu keselamatan pula,</li></ul>

		terletak di Jalan OP Global, Hutan Simpan Pin Supu A kerana terdapat individu yang menjalankan kegiatan maksiat & pengambilan dadah.	beliau menegaskan untuk bekerjasama dengan pihak polis bagi membendung perkara sedemikian. Cadangan MPKK Kg. Perpaduan untuk Tagal Sungai adalah menarik namun ianya perlu diwujudkan satu Komite bersama dengan Jabatan Perikanan.
3.2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Polisi National Forest Stewardship Standard Malaysia (NFSSM)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>En. Sim Gik Tei memohon supaya maklumat tentang polisi ini dapat diperkongsikan (soft copy – hard copy) melalui email ataupun surat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>En. Rio Peter G – akan dikongsikan secepat mungkin.</li> </ul>
3.3	<ul style="list-style-type: none"> <li>Isu nelayan mengambil kayu-kayu kecil di tepi sungai.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>MPKK Kg. Menggaris meminta nasihat bahawa adakah boleh kayu tersebut diambil untuk dibuat pancing dan sebagainya?</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>ADFO Ladwin menegaskan bahawa TIDAK BOLEH kerana kayu kecil akan menghasilkan riparian yang baik sekiranya tidak dipotong / ambil / diganggu.</li> </ul>
3.4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Isu tanah perkuburan.</li> <li>Memohon pengecaman kayu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>MPKK Kg. Sentosa Jaya memaklumkan perlu pengujudan tanah perkuburan di ladang sawit kerana kawasan tanah perkuburan Kg. Sentosa Jaya adalah khas untuk komuniti kampung tersebut sahaja.</li> <li>Beliau menambah terdapat keperluan pengecaman spesis kayu yang di kawasan konservasi kampung tersebut bagi tujuan pemangkin eko lancong.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>ADFO Ladwin mencadangkan supaya penduduk kampung adakan mesyuarat bersama pihak ladang melalui D.O. Bagi pengecaman id pokok, beliau menambah bahawa pihak JPS akan membantu melalui tenaga pakar iaitu Bahagian FRC, sepilok dan ianya memerlukan jempunan.</li> </ul>
3.5	<ul style="list-style-type: none"> <li>Paip melalui tanah persendirian ke dalam ‘Klinik Gajah’</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>En. Juhari memaklumkan kepada Peg. Jabt. Hidupan Liar tentang perkara ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>En. Jimli Perijin – Akan melihat kembali laluan paip tersebut.</li> </ul>
3.6	<ul style="list-style-type: none"> <li>Signboard perhutanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>En. Abdullah Abbas mencadangkan bahawa keperluan untuk memasang signboard berkaitan hutan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Jabt. Perhutanan Sabah mengalami kerugian dari segi kos signboard itu sendiri</li> </ul>

		simpan / riparian di setiap kampung yang berdekatan.	kerana kerap hilang / dirosakkan. <ul style="list-style-type: none"> <li>ADFO Ladwin menambah cadangan ini memang sesuai namun tanggungjawab untuk menjaga signboard itu adalah milik bersama.</li> </ul>
3.7	<ul style="list-style-type: none"> <li>Gua sarang burung yang masih aktif.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>En. Jimli Perijin ingin berkongsi maklumat berkenaan gua sarang burung yang aktif di sekita HSPS.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>En. Martin Vogel memberi ulasan bahawa terdapat peningkatan dalam hasil sarang dan keperluan untuk mengadakan MOU dengan SWD memang ada dalam masa terdekat.</li> </ul>
3.8	Lain-lain hal.	-	-

Memandangkan tidak ada perkara yang mahu dibincangkan lagi, mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 3.30 petang.

Dicatat oleh:  
Rio Peter G  
22 Julai 2020